

30/10/1998

Patten ajak rakan bela Anwar

KUALA LUMPUR, Khamis - Bekas Gabenor Hong Kong, Chris Patten, meminta masyarakat kewangan antarabangsa membela bekas Timbalan Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam ulasannya yang diterbitkan akhbar Independent, berpangkalan di London, bertajuk "Kita perlu membela menteri kewangan bermata lebam", Patten menyifatkan Anwar sebagai wira atau contoh unggul "yang diperlukan ekonomi global daripada menteri kewangan di negara membangun".

"Sehinggalah beliau dipecat sebagai Menteri Kewangan Malaysia dan Timbalan Perdana Menteri beberapa minggu lalu, Anwar Ibrahim, disanjung masyarakat kewangan antarabangsa...

"Beliau memperjuangkan perdagangan bebas dan pasaran terbuka, peraturan bank dan perkhidmatan kewangan berkesan, lebih terbuka dan telus dalam pengurusan kewangan Asia, kritiknya terhadap rasuah dan nepotisme, perundangan, kemerdekaan dan kebebasan awam, dan apa lagi provokasi yang tidak disuarakan? - demokrasi," kata Patten.

"Sudah bertahun-tahun Anwar dipuji dan disanjung kerana keberanian, kejujuran dan kecekapannya. Justeru, tidak hairan di kalangan kewangan antarabangsa global, Anwar dianggap sebagai kawan rapat. Beliau adalah contoh keberanian dan kawan."

Menurut Patten, masyarakat antarabangsa termasuk Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Kofi Annan; Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn dan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Robert Rubin, melahirkan kekusaran mereka supaya dunia prihatin terhadap kes Anwar.

Malah, katanya, kes itu memerlukan lebih daripada keprihatinan.

Patten meminta gabenor bank pusat dan menteri kewangan supaya tidak mendengar bantahan yang tidak membenarkan mereka membabitkan diri dalam politik domestik di Malaysia.

"Setakat ini, tiada peristiwa yang kita tidak campur tangan, dalam politik domestik di negara Asia lain?"

"Sebagai menteri kewangan dan juru bank pusat, mereka akan dinasihati supaya tidak menyuarakan pendapat masing-masing mengenai Anwar Ibrahim, apatah lagi terbabit dalam politik dan sesuatu yang ditegah.

"Mengapa mereka tidak memberitahu kita untuk menasihati Indonesia, yang ketika ini berani untuk menghadapi apa jua kemungkinan walaupun sudah dinasihati oleh masyarakat kewangan antarabangsa?" katanya.

Patten berkata, masyarakat kewangan antarabangsa berkemungkinan sudah diarah supaya tidak mengeluarkan sebarang kenyataan mengenainya kerana takut potensi perhubungan perniagaannya dengan Malaysia terjejas.

"Siapakah yang mempermainkan siapa? Apakah projek raksasa mutakhir yang dikendalikan oleh Malaysia yang memerlukan pinjaman pada masa depan? Di manakah pengajaran sebenar hasil keruntuhan Asia - bahawa negara yang terbaik untuk mengurus niaga sudah semestinya negara yang melayan warga negaranya dengan baik?" katanya.

Menurut Patten, harga etika yang perlu dibayar kerana tidak memperdulikan kes Anwar adalah terlalu tinggi.

"Anwar Ibrahim mewakili apa saja yang masyarakat antarabangsa perlukan dari Asia dalam dekad akhir ini. Ia semudah itu.

"Bagaimanapun, sekarang beliau dipukul sehingga begitu teruk terhadap apa yang dipercayainya - isterinya diancam, anak-anaknya dirundung malang - adakah kita akan membenarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memihak kita?"

Patten berkata, Menteri Luar Britain, Robin Cook sudah menyampaikan kekecewaannya terhadap kes Anwar kepada rakan sejawatannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengunjungi Malaysia bersama Ratu Elizabeth, sempena Sukan Komanwel, September lalu.

"Saya pasti, Cook tidak tahu menahu mengenai Anwar dipukul polis - ditutup matanya dan dibelasah sehingga tidak sedarkan diri. Tetapi sekurang-kurangnya Sukan Komanwel berakhir dengan aman tanpa memalukan mana-mana pihak.

"Tetapi, bukankah ini masanya untuk memalukan mereka? Sekiranya, masyarakat Asia yang mahu memperjuangkan kebebasan politik dan ekonomi dengan serius, bukankah ini masanya untuk menegakkan prinsip kita? Patten menganggap Anwar sebagai simbol masa depan yang lebih baik dan cerah yang tidak sepatutnya dibenarkan kembali ke zaman gelap.

"Mengetepikannya sekarang bermakna kita membuang kewibawaan moral dalam memperjuangkan kepelbagaian dan pasaran terbuka di seluruh dunia," katanya.

(END)